

Unsur Amanat dan Impak Lirik Dikir Barat Halim Yazid

Mohd Fahmi Ismail*, Salmah Jan Noor Muhammad, Mohd Firdaus Che Yaacob

*Jabatan Bahasa Melayu dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia,
43400 Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.*

Article Information

Received 30 November
2015
Received in revised form 20
May 2016
Accepted 23 May 2016

Abstract

Dikir Barat merupakan salah satu khazanah budaya yang terkenal di negeri Cik Siti Wan Kembang, iaitu Kelantan yang menjadi kebanggaan rakyat negeri tersebut. Kini, seni budaya Dikir Barat telah berkembang bukan sahaja di Semenanjung Malaysia tetapi hingga ke peringkat antarabangsa. Selain padat dengan elemen kebudayaan dan kesenian masyarakat Melayu Pantai Timur, kesenian ini juga mengandungi pelbagai amanat dan nasihat yang berkesan kepada khalayak. Menerusi keadah kualitatif dengan cara pendokumentasian lirik, Dikir Barat Halim Yazid yang dipilih akan dijadikan sandaran untuk mengenal pasti dan menganalisis amanat serta impak yang terkandung dalam lirik tersebut. Aplikasi prinsip Teori Konseptual Kata Kunci yang diperkenalkan oleh Mohamad Mokhtar Hassan pada tahun 2005 merupakan teras utama dalam memastikan hubungkait antara analisis kajian. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa setiap bait lirik Dikir Barat Halim Yazid kaya dengan amanat yang mampu memberikan impak berguna bagi membentuk tingkah laku dan moral yang positif dalam kalangan masyarakat. Lirik yang didendangkan boleh membentuk tingkah laku dan moral positif dalam kalangan masyarakat bukan sahaja di Kelantan malah, masyarakat di seluruh negara.

© 2016 Penerbit Universiti Malaysia Pahang

Keywords: Amanat; Dikir Barat; Lirik; Halim Yazid

The positive elements and impact of Halim Yazid's *Dikir Barat* lyrics

Abstract

Dikir barat is one of the cultural treasures from Kelantan, a state in the East Coast of Peninsular Malaysia, and the pride of the people in the state (Kelantanese). Today, Dikir Barat is very much well-known in Malaysia, and even at the international level. Apart from the elements of culture and arts, Dikir Barat lyrics immensely contain influential words of values and advices. This study employed a qualitative method in documenting selected Halim Yazid's Dikir Barat lyrics. The aim was to identify and analyze the moral values in the lyrics and its impact to the communities. Using the principles of Conceptual Keyword theory by Mohamad Mokhtar Hassan (2005), the findings proved that every verse of Halim Yazid's lyrics contained a great deal of values and advices. This could give a great impact in creating a positive environment in the community. The lyrics could also influence positive behaviors and morality in Kelantan as well as the communities across the country.

Keywords: Dikir Barat; Halim Yazid; Lyrics; Values

* Corresponding author: Tel.: +6013-9968659 (Mobile).

E-mail addresses: mohdfahmimofis@yahoo.com [Mohd Fahmi, I.]; salmahjan@upm.edu.my [Salmah Jan, N.M.]; mohdfirdaus_cheyaacob@yahoo.com [Mohd Firdaus, C.Y.].

PENGENALAN

Dikir Barat merupakan satu bentuk persembahan dinyanyikan secara beramai-ramai dalam sesuatu masa. Perkataan dikir merujuk kepada persembahan lagu dan manakala barat membawa empat wilayah yang terdapat di selatan Thai iaitu Yala, Nirathiwat, Songkla dan Pattani (Hamidah Yaacob, 2010). Dikir Barat ialah hasil kombinasi seni, iaitu 'dikir' dan 'pantun' atau 'dikir' dan 'karut' Perkataan dikir dan zikir biasanya diciptakan dalam bentuk prosa tetapi kadangkala ungkapan dipuitiskan. Mungkin dengan cara sedemikian dapatlah kita mengingati Allah dan mensyukuri nikmat Allah S.W.T. Zikir atau dikir menggunakan bentuk syair ataupun nazam yang biasanya daripada Bahasa Arab (Majlis Peperiksaan Malaysia, 1996). Seterusnya, menurut Azmi Mohd Nasir (2011), Dikir Barat terhasil daripada kombinasi dua perkataan iaitu dikir dan barat. Struktur dan bentuk prosa rakyat ini masih lagi kekal sebagai karya seni kerana masih lagi mengikut struktur sebuah puisi Melayu, iaitu terikat kepada bentuk pantun yang mempunyai ungkapan sejajar dan puitis. Pemilihan diksi yang menarik, tepat, dan jelas merupakan salah satu aspek utama dalam sebuah penghasilan lagu dikir, Harun Mat Piah (1998).

Lirik merupakan salah satu aspek penting dalam sesebuah persembahan Dikir Barat. Lirik berfungsi menerangkan idea dan pemikiran dalam penyampaian sesebuah lagu dan kandungan yang terdapat dalam lirik kerana menyentuh aspek kehidupan masyarakat (Arba'ie Sujud, 1999). Lirik memainkan peranan penting dalam menyampaikan fungsi sastera. Hal ini kerana, peranan sesebuah karya sastera sebagai penganalisisan aspek kehidupan masyarakat yang dihasilkan oleh seorang anggota (pengarang) untuk masyarakat tidak ubah seperti bahan penganalisisan diri sendiri, diri masyarakat sendiri, kita dan masyarakat sebagai pembaca (Shahnon Ahmad, 1991). Sehubungan itu, setiap bait lirik tersebut terselit amanat yang dapat sesuai dijadikan pedoman kepada seluruh masyarakat untuk membentuk tingkah laku dan moral positif. Sifat lengkapnya dan penyerapan antara pengarang bersama karyanya dengan masyarakat adalah hubungan lebih bersifat 'memberi-menerima'.

Menurut, Norliza Rofli (2012), Dikir Barat adalah seni tradisi rakyat yang kaya dengan amanat dan pengajaran. Aspek ini diteliti menerusi bait lagu yang diungkapkan dan sekaligus menolak dakwaan sesetengah orang sebagai persembahan tempelan. Selain itu, Dikir Barat merupakan medium penyampaian kepada masyarakat untuk mempengaruhi dan menyalurkan fahaman serta menyampaikan mesej dengan berkesan kepada khalayak (Mohd Sulhie Yusuf, 2012). Seterusnya, menurut Mohd Fahim Ismail (2013), lirik Dikir Barat sememangnya kaya dengan isi dan pengajaran yang disampaikan melalui garapan dan cetusan idea pendikir. Dikir Barat sangat sesuai dijadikan sebagai salah satu medium penting untuk menyampaikan mesej secara tidak langsung kepada khalayak. Fenomena ini berbeza dengan fungsinya pada satu ketika dahulu sebagai wadah penyampaian unsur lucu dan penghinaan terhadap wanita, namun ia telah berubah kepada penyampaian mesej dan amanat ke arah mensejahterakan kehidupan masyarakat, (Halim Yazid, 2014). Berdasarkan beberapa pernyataan tersebut, menjadi titik-tolak kepada pengkaji bagi mengkaji sejauh mana lirik yang diungkapkan oleh pendikir Halim Yazid mengandungi unsur amanat yang mendatangkan kebaikan kepada kehidupan atau sebaliknya. Sehubungan itu, aplikasi Teori Konseptual Kata Kunci oleh Mohammad Mokhtar Hassan (2005) dapat membuktikan bahawa kepengaruhan, pemilihan diksi dan makna memainkan peranan utama dalam menghasilkan sesebuah lirik yang penuh dengan ilmu, didikan dan berhibur kepada khalayak pendengar.

SOROTAN LITERATUR

Hashim Awang (1987) menyatakan bahawa Negeri Kelantan merupakan salah satu negeri yang kaya dengan gedung kesenian dan kebudayaan yang menarik perhatian semua pihak. Bukan sahaja Wayang Kulit, Mak Yong dan Main Puteri, tetapi Dikir Barat juga salah satu bentuk kesenian rakyat yang semakin popular. Masyarakat menganggap Dikir Barat satu wadah untuk memahami budaya bangsa. Di samping berperanan sebagai hiburan, ia juga mempunyai nilai pembentukan peribadi dan personaliti serta penerapan ilmu pengetahuan yang bermanfaat kepada masyarakat. Tukang Karut dan Tukang Juara memainkan peranan menyampaikan dikirnya menerusi pemilihan kata dalam lirik atau bait lagu bagi menyampaikan maksud yang tersirat kepada pendengar. Seterusnya, Hamidah Yaacob (2010) menjelaskan

bahawa Dikir Barat merupakan satu tradisi yang diwarisi sejak turun-temurun lagi oleh masyarakat Cik Siti Wan Kembang. Masyarakat Negeri Kelantan beranggapan bahawa Dikir Barat satu medium yang paling tepat untuk menghiburkan, namun mereka sedar disebalik hiburan yang dirasai dan dihayati terselit pelbagai mesej dan amanat yang berguna kepada mereka. Penerapan tradisi ilmu diterapkan oleh pendikir melalui gagasan lirik yang puitis dan struktur binaan yang bersistematik.

Menurut Amir Husairi Sharif (2006), hampir keseluruhan lirik lagu yang dihasilkan oleh pengkarya padat dengan lirik yang berfungsi untuk menyampaikan sesuatu mesej. Mesej yang disifatkan tersebut merangkumi makna di sebalik bait kata lirik tersebut. Berpandukan kepada konsep tersebut, unsur mesej ini menjadi tanggungjawab untuk menghasilkan lirik dengan 'hati'. Hal ini penting agar mesej yang disampaikan menjadi jelas pada khalayak yang mempunyai 'hati'. Lim Swee Tin (2006) menyatakan sebagai satu karya seni, lirik lagu meletakkan beberapa bahagian yang penting dan mengandungi keistimewaan tertentu. Bahagian yang dimaksudkan ialah pemikiran dan bahasa. Pemikiran meliputi kecintaan dan memaparkan aspek dan elemen penting dalam kehidupan manusia untuk dijadikan panduan. Bukan sahaja dijadikan wadah berhibur malah tutur terselit juga mesej dan ada garapan elemen moral. Manakala bahagian seterusnya ialah bahasa iaitu meliputi pemilihan diksi, cara dan corak pemilihan kata yang berkesan untuk tatapan halwa pendengar.

Menurut Arbaie Sujud (1999), aspek keindahan dalam sebuah lirik lagu tradisional dinilai berdasarkan beberapa syarat estetika iaitu keutuhan dan kesempurnaan, keseimbangan dan kejelasan. Lirik yang dihasilkan terdapat pelbagai makna tertentu sama ada tersurat dan tersirat yang sesuai dijadikan wahana pendidikan kepada khalayak khususnya golongan kanak-kanak dan golongan muda. Seterusnya, Norasmat Mustapha (1998) menyatakan unsur estetika dalam lagu-lagu Dikir Barat di Kelantan disajikan dengan kepelbagaiannya unsur tertentu. Lirik atau seni kata memelihatkan unsur estetika sesebuah Dikir Barat berdasarkan aspek gaya bahasa, unsur bahasa dan bunyi bahasa, unsur pemilihan kata, sintaks dan inversi. Aspek gaya merangkumi gaya retorik, bahasa kiasan yang terdiri daripada asonansi, alitansi, anafora, simile, metafora dan sebagainya. Selain gaya bahasa, aspek pemikiran juga terpancar dalam lirik untuk dihayati, difahami dan ditaksirkan oleh khalayak umum sebagai pedoman dan pengajaran yang berguna.

Seri Shinta Mohd Noor (2002) menyatakan bahawa Dikir Barat merupakan satu elemen dan cara yang sesuai untuk mendidik masyarakat untuk menghargai nilai budaya bangsa. Penerapan elemen moral seperti menghormati orang sekeliling, berkasih-sayang, prihatin, toleransi, dedikasi dan semangat kerjasama, kerajinan dan bermasyarakat. Dikir Barat yang baik mengandungi pemilihan kata dan makna tersirat sesuai dijadikan wahana untuk mendidik masyarakat untuk menitikberatkan elemen ini dalam seluruh kehidupan. Pemantapan nilai moral ini akan membentuk sebuah masyarakat mementingkan perpaduan dan ikatan silaturahim yang utuh. Hal yang demikian, akan melahirkan generasi yang kukuh tersemat garapan nilai moral dalam diri.

Mohd Fahim Ismail (2013) menyatakan lirik berfungsi menerangkan idea dan pemikiran dalam penyampaian sesebuah lagu yang menyentuh aspek kehidupan masyarakat. Dalam konteks yang lain, banyak lirik lagu Dikir Barat dicetuskan dan dinyanyikan oleh pendikir yang sememangnya kaya dengan unsur kreativiti dan mengandungi mesej, tapi malangnya kurang mendapat perhatian dari golongan pelajar, institut pengajian tinggi dan ahli akademik. Fenomena tersebut menyebabkan kurangnya kajian berbentuk ilmiah. Secara tidak langsung, hal ini tidak dapat merungkai persoalan mengenai struktur, keindahan seni, didaktik dan amanat di dalam sesebuah lirik lagu Dikir Barat. Hasil dapatan kajian Mohd Fahim Ismail (2013) mendapati bahawa kajian yang mendalam perlu dilakukan supaya gagasan unsur amanat yang padat dengan idea dan ilmu berkesan dapat dijadikan wadah kepada pendidikan, pengetahuan, teladan, panduan kepada pendengar tentang sesuatu perkara yang telah berlaku dan akan berlaku. Hal ini sesuai dijadikan sumber rujukan primer kepada masyarakat untuk melahirkan modal insan yang terbilang.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif untuk meneliti unsur amanat dalam lirik Dikir Barat Halim Yazid. Penelitian ini menggunakan kaedah salin semula lirik lagu Dikir Barat Halim Yazid kepada bentuk bertulis. Hal ini kerana bahan ini merupakan bahan penyampaian unsur amanat yang dapat memberi impak kepada masyarakat. Oleh hal demikian, kajian ini mengaplikasikan teori Konseptual Kata Kunci yang diperkenalkan oleh Mohamad Mokhtar Hassan (2005) sebagai rangka konsepsi seseorang pengarang terhadap hal, isu, perkara mahupun objek dapat diteliti daripada kata-kata yang digunakan dalam hasil karya mereka. Selain itu, teori ini bertindak sebagai kata fokus bagi kesemua kata kunci yang berkaitan terhadap dalam sesebuah isu, hal, idea, perkara, peristiwa dan objek yang dilatari oleh pendidikan, kepercayaan, ideologi, adat, budaya, lingkungan masyarakat dan pertubuhan yang diperjuangkan. Konsepsi teori dapat ditemui dalam karya yang dihasilkan berpandu kepada tiga prinsip kata kunci iaitu:

- i) Kepengaruhan
- ii) Pemilihan kata
- iii) Kesan

Ketiga-tiga prinsip kata kunci yang digunakan dalam kajian ini dijadikan fokus utama untuk mengenalpasti unsur amanat terdapat dalam lirik Dikir Barat Halim Yazid kepada masyarakat. Prinsip kepengaruhan ini dinilai berdasarkan maksud dan hal-hal yang berkaitan dengan seorang pengarang atau pengkarya untuk memahami konsepsi yang disampaikan oleh pengarang melalui perkara, unsur, hal, objek dan peristiwa. Dengan memahami unsur instrinsik, seorang peneliti dan pengkaji akan boleh memahami konsepsi pengarang terhadap perkara, unsur, hal, objek dan peristiwa (Mana Sikana, 2008). Selain kepengaruhan, keberkesanan pemilihan kata atau diksi yang disampaikan oleh pengarang atau pengkarya dapat menyatakan konsepsi terhadap sesuatu isu, hal, perkara, dan objek. Hal ini jelas, pemilihan kata dalam sesuatu keadaan dapat menjadi wahana penyampaian unsur amanat yang disampaikan secara abstrak atau konkrit dalam lirik dikir yang diutarakan (Mohamad Mokhtar Hassan, 2005). Pemilihan kata ini seterusnya mampu melahirkan prinsip ketiga iaitu kesan terhadap khalayak yang menjadi perhubung dengan keberkesanan unsur yang disampaikan. Walau bagaimanapun, pemilihan kata bagi sesuatu konsep dalam sesebuah karya sastera, mungkin diungkapkan melalui kata konkrit ataupun abstrak atau digabungkan kedua-duanya sekali (Mohamad Mokhtar Hassan, 2005). Justeru menerusi konteks prinsip ketiga ini unsur amanat ini yang dapat diterjemahkan dan diterima oleh khalayak menerusi lirik lagu Dikir Barat yang disampaikan oleh Halim Yazid.

ANALISIS KAJIAN

Kajian ini membataskan kepada amanat yang terkandung dalam lirik Dikir Barat Halim Yazid, iaitu kasih sayang pengikat hubungan, ilmu pengetahuan penyuluh hidup, hormat-menghormati sesama insan, janji perlu ditunaikan, menzalimi binatang, amalan terkeji, belas kasihan terhadap orang sekeliling dan keberanian mempertahankan hak dan tanah air. Antara lirik lagu yang dibataskan dalam kajian ini terdiri daripada Ani, Bunga Tidak Berbunga, Berkecek Dengan Anak, Yanti, Aman Kapon Laman, Tok Wok Udin, Wok Long, Tupai, Tok Janggut dan Insan Di Sayang. Kesemua lagu yang didokumentasikan diambil daripada “Koleksi 63 Lagu Nyanyian Dikir Halim Yazid”, diterbitkan oleh Amalini Production pada tahun 2012.

4.1 Kasih Sayang Pengikat Hubungan

Kasih sayang merupakan sifat yang halus, mulia dan dituntut oleh agama. Kasih sayang bermaksud perasaan halus dan belas kasihan yang timbul daripada hati yang ikhlas terhadap orang lain dan berusaha membantu meringankan bebanan yang dihadapinya (Norita Arifin, 2006). Menurut Muhamad al-Ghazali

(1984), kasih sayang menggambarkan sifat ketinggian budi yang melembutkan hati untuk mencurahkan rasa belas kasihan kepada semua makhluk di alam ini. Manakala, Hashim Musa (2008) kasih kasih terhadap nyawa merupakan perasaan yang wujud dari lubuk hati yang sanggup berkorban untuk menyelamatkan dan menggembirakan orang yang disayangi tanpa ada sebarang niat dan balasan. Seterusnya, Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) kasih sayang merupakan perasaan halus dan belas kasihan yang lahir dari lubuk hati merangkumi rasa cinta yang mendalam, tiada paksaan dan sempadan.

Dalam lirik lagu-lagu Dikir Barat, amanat tentang kasih sayang banyak dipaparkan dalam nyanyian Dikir Barat Halim Yazid. Hal ini menunjukkan bahawa soal kasih sayang adalah sesuatu yang universal sifatnya dan setiap insan pasti memerlukannya. Atas keprihatinan ini pendikir mengutarakan persoalan amanat ini. Hasil daripada kajian dan penelitian yang dibuat mendapati banyak lirik lagu Dikir Barat Halim Yazid mengutarakan amanat kepentingan kasih sayang.

Kasih sayang seorang lelaki terhadap seorang wanita yang dicintai terlalu tinggi. Seorang lelaki sanggup melakukan apa-apa sahaja demi menjaga hati dan menunjukkan betapa tingginya nilai kasihnya terhadap orang dicintai. Hal ini terdapat dalam petikan tersebut:

Takdok harto boleh caghi
Takdok kegheto boleh beli
Kalu takdok ani soghe
Sehupo takdok sebelah

(Tak ada harta boleh cari
Tak ada kereta boleh beli
Kalau tak ada ani seorang
Sama seperti tiada sebelah tubuh abang)

(Lagu: Ani)

Berdasarkan lirik di atas, penulis lirik menjelaskan bahawa ketinggian nilai kasih sayang seorang lelaki yang diibaratkan “Perempuan Segalanya” dalam lirik terhadap seorang perempuan yang bernama Ani. Pemilihan kata “Ani” juga terdapat di dalam beberapa lirik lagu yang kemungkinan besar sebagai isteri dan kekasih kepada pengarang lirik ini. Selain itu, kasih-sayang yang mendalam terhadap isteri membuatkan seseorang suami sanggup berkorban dan melakukan apa-apa sahaja. Malah isteri dianggap sebahagian daripada tubuh badan suami. Jika kehilangan isteri boleh menyebabkan suami hidup merana dan tidak tentu arah. Hal ini telah dibuktikan oleh Halim Yazid dalam lirik lagu “Bunga Tidak Berbunga” ini:

Semenjak engkau tiado
Meskipun sementaro gelapnyo kuteraso
Langit tidak bercahaya
Semenjak kau tiado, meskipun sementaro
Perahu di muaro, hiley pengkalannya
Hati jadi terharu, hiley pengkalannya
Langkahku tok menentu

(Semenjak kau tiada
Meskipun sementara gelapnya ku terasa
Langit tidak bercahaya
Semenjak kau tiada, meskipun sementara
Perahu di muara, hilang pengkalannya
Hati jadi terharu, hilang tempat mengadu
Langkah ku tak menentu)

(Lagu: Bunga Tidak Berbunga)

Pemilihan kata 'hiley pengkalannya, dan langkah laku tok menentu' dalam petikan lirik tersebut menceritakan bahawa jika kehilangan isteri tercinta maka akan hilang tempat mengadu dan hidup tidak tenteram. Segala-galanya berubah tidak lagi sama seperti ketika bersama dahulu. Menerusi amanat yang dikemukakan, jelas dapat melahirkan impak positif kepada masyarakat bahawa kasih sayang penting dalam kehidupan setiap manusia. Kasih sayang ditekankan dalam kehidupan dan perlu disemai sejak dari kecil lagi agar dapat melahirkan hubungan harmoni sesama manusia dan membentuk sebuah masyarakat yang sejahtera (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992). Bertepatan dengan Teori Konseptual Kata Kunci, menerusi prinsip pemilihan kata dalam karya yang baik akan mendatangkan kesan yang manfaat dan kebaikan rentetan dari pelbagai peristiwa yang dijadikan pengalaman dalam menempuh kehidupan. Melalui pengalaman tersebut, tersingkap pelbagai ragam yang dapat dijadikan cerminan bandingan atau contoh teladan yang baik. Penulis lirik menyeru khalayak pendengar supaya menitik berat nilai kasih sayang bagi menjamin kesejahteraan dan kesempurnaan hidup setiap insan (Mana Sikana, 2008).

4.2 Ilmu Pengetahuan Penyuluh Hidup

Ilmu adalah perkara asas dan penting kepada setiap dalam menempuh sesuatu perkara dan masalah. Manusia disuruh agar menuntut ilmu bermula dari buaian sehinggalah ke liang lahad yakni, sama ada ilmu dunia dan ilmu akhirat. Tanpa ilmu seseorang itu mungkin boleh ditipu dan senang diperkotak-katikkan. Ilmu membantu manusia membuat pertimbangan yang wajar dalam menyelesaikan masalah yang timbul. Ilmu juga boleh diperolehi melalui pendidikan formal atau tidak formal tanpa mengira masa dan tempat. Menurut Abd Rahim Abd Rashid (2001), pendidikan amatlah dipentingkan dalam masyarakat terutamanya dalam merealisasikan hasrat negara untuk membasmi masalah buta huruf dalam kalangan anak-anak semua lapisan masyarakat. Menuntut ilmu menjadi tanggungjawab setiap manusia berakal. Ilmu yang dipelajari berguna untuk diaplikasikan dalam kehidupan untuk melahirkan masyarakat yang berilmu (Mohd Fahim Ismail, 2013). Kebanyakan masyarakat negara Malaysia kini mempunyai latar belakang berpendidikan rendah, dan sederhana yang menyebabkan mereka gagal menilai sesuatu sama baik atau buruk. Bagi merealisasikan hasrat tersebut Halim Yazid mengutarakan amanat ini kepada masyarakat melalui nyanyian Dikir Baratnya.

Lirik-lirik dalam Dikir Barat turut menggambarkan betapa pentingnya menuntut ilmu bagi setiap insan. Melaluinya jelas menggambarkan masyarakat Melayu mementingkan pendidikan dalam kehidupan seharian. Ibu bapa sanggup berbuat apa-apa sahaja asalkan anak-anak mampu mendapat pendidikan tertinggi dan berjaya dalam hidup. Malah ibu bapa sentiasa cuba memastikan anak-anak tidak ketinggalan mengikuti arus pembangunan dalam pendidikan semasa termasuklah penggunaan komputer.

Mari turut papa kito gi beli komputo
Nati papa aja belah mano nok guno
Zamey mencabar internet koridor rayo
Bilo adik panda adik bulih

Mari ikut papa kita pergi beli computer
Nanti papa ajar macam mana hendak guna
Zaman mencabar internet koridor raya
Bila adik pandai adik boleh jadi kaya

(Lagu: Berkecek dengan Anak)

Kenolah lancar bertutor, menulis
Bahaso Malaysia dan jugo Inggeris
Komputer keno pandai, biarlah serbo bules
Aktif bersosial, tahu adat di majlis

Takdir Yanti seksok berjayo
Buleh kijo tinggi, pah ado pulok kuaso
Jadi menteri mentadbir negaro
Jagolah dhiri, jago maruah bangso

(Harus lancar bercakap, menulis
Bahasa Malaysia dan juga Inggeris
Komputer kena pandai, biarlah serba boleh
Aktif sosial, tahu adat di majlis

Takdir Yanti kemudian hari Berjaya
Boleh kerja tinggi, lepasan ada pula kuasa
Jadi menteri mentadbir Negara
Jagalah diri, jaga maruah bangsa)

(Lagu: Yanti)

Berpaksikan kedua-dua lirik lagu di atas, pengarang menjelaskan tentang kepentingan menuntut ilmu. Ilmu yang diamalkan dengan penuh keyakinan dan bersungguh-sungguh tanpa jemu akan menjadi sandaran bagi memperoleh kesenangan dan kesejahteraan hidup. Ilmu dan amal yang telah dipelajari seharusnya dipraktikkan agar dapat membantu kita dalam kehidupan seharian. Pengarang menyeru khalayak penonton menuntut ilmu kerana dengan ada ilmu akan boleh membentuk masyarakat maju dan bermoral. Menerusi amanat kepentingan menuntut ilmu ini mampu melahirkan impak kepada masyarakat. Ilmu yang bermanfaat dan berguna akan mendatangkan pelbagai kesan yang positif kepada masyarakat dan negara. Berteraskan kepada Teori Konseptual Kata Kunci prinsip kepengaruhan dan prinsip pemilihan kata memainkan peranan utama dalam menghasilkan lirik sedemikian. Prinsip kepengaruhan berdasarkan latar belakang seperti pendidikan, fahaman, pekerjaan dan keluarga. Latar belakang kehidupan seorang pengarang menyebabkan pengarang berjaya menghasilkan karya yang berkesan untuk mendidik masyarakat kearah kebaikan.

4.3 Hormat-menghormati Sesama Insan

Sifat hormat-menghormati merupakan satu amalan yang mulia dan dituntut dalam ajaran setiap agama. Nilai hormat-menghormati membawa maksud sikap menghargai dan memuliakan seseorang atau institusi sosial dengan memberi layanan yang bersopan dan berhemah, Kementerian Pelajaran Malaysia (1988). Manakala, menurut Hashim Musa (2008) pula hormat-menghormati merupakan memuliakan orang yang lebih tua dan berpangkat daripadanya, dan juga para tetamu dengan memberi layanan yang baik, keperluan asasi, menghormati hak, dan maruah manusia dan individu, menghormati kepercayaan, budaya, adat resam dan keturunan yang berbeza-beza, menghormati undang-undang dan peraturan yang termaktub dalam perlembagaan dan undang-undang negara, menghormati dan bertanggungjawab terhadap golongan minoriti dan yang kurang upaya. Pendapat yang sama disuarakan oleh Norita Arifin (2006) pula mentakrifkan nilai hormat-menghormati sebagai perasaan muhibah, bertimbang rasa, ikhlas dan tunjuk rasa hormat kepada orang lain. Pendapat yang sama diutarakan oleh Haziha Che Hashim (2014). Menurutnya, hormat-menghormati ini terbahagi kepada beberapa ciri antaranya hormat dan taat kepada ibu bapa, hormat kepada orang yang lebih tua, guru, rakan, jiran tetangga dan pemimpin, patuh kepada undang-undang, hormat kepada hak asasi, hormat kepada kepercayaan dan adat resam pelbagai keturunan serta hormat kepada keperibadian individu. Kepentingan dan keperluan menghormati golongan tua ini boleh dididik melalui pertuturan bahasa yang sopan dengan menggunakan gelaran yang sesuai mengikut umur dan pangkat masing-masing. Berdasarkan pendapat-pendapat yang diutarakan, nilai hormat-menghormati dapat disimpulkan sebagai perlakuan atau pekerti mulia termasuklah menghargai, memuliakan dan memandang tinggi dalam hubungan sesama ahli masyarakat sama ada ibu bapa, orang yang lebih tua, jiran, guru, rakan taulan dan pemimpin, undang-undang dan peraturan, serta kepercayaan dan adat resam dengan memberi layanan yang baik.

Dalam masyarakat Melayu, hormat-menghormati merupakan nilai yang menjadi sebahagian dari kehidupan mereka. Hal ini diakui oleh beberapa orang sarjana bukan sahaja oleh sarjana tempatan, malah sarjana dari barat. Seterusnya Laurent Metzger (2007) menyatakan nilai hormat kepada orang tua sama ada ibu bapa atau orang tua yang lain amat jelas tergambar pada orang Melayu. Seterusnya, Hashim Musa (2008) turut menyatakan nilai hormat-menghormati merupakan salah satu teras hidup masyarakat Melayu. Berdasarkan pendapat-pendapat yang telah diutarakan, jelaslah nilai hormat-menghormati ini telah lama sebatu dalam diri masyarakat Melayu, menjadi teras identiti masyarakat Melayu sehingga dikagumi oleh bangsa asing sekali gus menjadikan bangsa Melayu terus disanjung tinggi.

Keperibadian Halim Yazid yang baik menentukan penciptaan lirik yang baik dan bermutu. Penekanan tentang amanat ini begitu dominan diilhamkan menerusi lirik ciptaannya. Hal ini dapat dibuktikan dalam petikan lirik lagu berikut:

Sekali sekalo balik kampong halame
Bhrasa suka hati pun seney
Warih saudara maro jumpo angkat tangey
Ado cerito banyoklah kenangey

(Sekali sekalo balik kampung halaman
Berasa suka hati pun senang
Waris saudara mara jumpa angkat tangan
Ada cerita banyaklah kenangan)

(Lagu: Aman Kapon Laman)

Berdasarkan lirik lagu di atas, penulis mengutarakan unsur amanat hormat-menghormati sesama manusia. Selain itu, Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai rakyat yang terdiri dari pelbagai bangsa. Bagi mengekalkan perpaduan dan keharmonian, nilai hormat-menghormati amatlah dititikberatkan. Sikap hormat kepada kepercayaan dan adat resam antara setiap bangsa dapat menjamin kepada pengkalan perpaduan dan keharmonian negara.

Amalan hormat-menghormati yang memaparkan ciri-ciri hormat kepada ibu bapa, orang yang lebih tua, guru, rakan, jiran tetangga, pemimpin, patuh kepada undang-undang dan hormat kepada kepercayaan dan adat resam pelbagai keturunan memperlihatkan wujudnya unsur kebaikan yang bukan sahaja memberi manfaat, malah menjadi teladan dan pengajaran. Unsur amanat ini melahirkan impak kepada masyarakat supaya menanam sikap hormat-menghormati sesama manusia. Menurut Shamsul Amri Baharuddin (2008) sikap hormat-menghormati sesama manusia akan mendatangkan kesan melahirkan sikap memuliakan satu sama lain, memupuk perasaan muhibah, menerima kewujudan mereka dan sikap hormat kepada orang lain bagi memupuk berkongsi kehidupan seharian. Hal ini bertepatan dengan Teori Konseptual Kata Kunci. Penekanan dan terhadap prinsip pemilihan kata akan memaparkan kata yang berkesan. Melalui pendekatan ini, karya sastera dihasilkan bukan sahaja untuk mencari kebenaran dan keadilan, malah menjadi satu pemangkin dalam membentuk satu budaya bangsa yang bermoral baik (Mana Sikana, 2008).

4.4 Amalan Tolong-menolong Pengikat Ummah

Tolong-menolong adalah sikap yang terpuji yang perlu ada dalam diri setiap individu yang sihat akalunya. Tolong-menolong ialah amalan bantu-membantu antara satu sama lain. Menurut Abd Rahim Abd Rahsid (2001) sikap tolong-menolong merupakan amalan ibadah yang sesuai dengan konsep kebajikan yang mulia dan murni. Seterusnya, amalan tolong-menolong adalah satu cara menghulurkan bantuan kepada sesiapa sahaja bagi kepentingan dan kebaikan bersama (Wan Marzuki Wan Mohd Noor, 2010). Seterusnya, menurut Hashim Musa (2008) sikap tolong-menolong adalah satu kewajipan setiap manusia untuk menghulurkan bantuan kepada manusia yang berada disekitarnya. Selain itu, tolong-menolong merupakan sifat yang dimiliki oleh individu untuk memberikan bantuan kepada mereka yang berada disekeliling dan memperoleh manfaat bersama. Sikap ini merupakan amalan positif yang harus

dimainkan oleh setiap manusia dalam masyarakat (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2015).

Dalam konteks ini, sikap tolong-menolong akan membolehkan masyarakat membela dan menangani pelbagai masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat yang memerlukan. Kewujudan nilai ini menjadikan masyarakat Melayu yang tinggal di kampung-kampung sejak dahulu lagi hidup dalam suasana harmoni. Hubungan mereka rapat dan saling bergantung antara satu sama lain. Mereka sering mengamalkan sikap tolong-menolong dalam semua pekerjaan dan ini banyak digambarkan dalam lirik Dikir Barat. Contohnya seperti yang dinyatakan oleh Halim Yazid dalam lirik lagu “Aman kampung laman” dalam rangkap di bawah ini:

Hidup daley adat mati daley burrok
Fikirey sepakat tolong-menolong
Kato-kato bulat, sanjung-menyanjung
Semua kijo berat pakatlah tolong-menolong

(Hidup dalam mati dalam barok
Fikiran sepakat tolong-menolong
Semua kerja berat sama tolong
Berasa selamat tinggal dalam kampung)

(Lagu: Aman Kampung Laman)

Jelaslah dalam bait lirik di atas menjelaskan masyarakat terutamanya di kampung-kampung diteruskan dan tetap menjadi amalan hidup mereka malah melalui amalan inilah menjadikan hubungan mereka akrab. Masalah sosial seperti kemelatan hidup, kemiskinan dan keadaan terbiar boleh diatasi jika wujud keprihatinan dan nilai tolong-menolong dalam masyarakat. Justeru, amanat yang ingin disampaikan oleh pengarang melahirkan impak kepada masyarakat bahawa khalayak perlu disedarkan tentang pentingnya amalan tolong-menolong sebagai satu tanggungjawab sosial yang penting dimiliki oleh seseorang. Amalan murni perlu dipertahankan kerana membawa banyak kebaikan dan faedah serta manfaat kepada pembangunan negara. Sehubungan itu, Teori Konseptual Kata Kunci ini amat sesuai digunakan untuk pengkaji dalam mengkaji aspek ini. Prinsip pemilihan kata yang tepat dan bermakna ini akan meninggalkan kesan yang manfaat dan berguna untuk diadaptasikan dalam kehidupan.

4.5 Janji Perlu Ditunaikan

Janji merupakan satu pernyataan kesediaan untuk berbuat atau memberi (mengikat) janji kepada orang lain. Setia apa yang dilafazkan sama ada secara sedar atau sebaliknya adalah janji. Islam membenarkan berjanji berkenaan perkara-perkara yang baik sahaja dan tidak sesekali mengingkarinya (Wan Aminurrashid Wan Abd. Hamid, 2002). Menurut Muhammad Al-Ghazali (1994) janji merupakan satu perkara ditetapkan yang telah dibuat atas persetujuan bersama dan setiap janji yang dimeteraikan tersebut harus dilaksanakan dengan sempurna seperti apa yang dijanjikan sama ada ia berbentuk secara zahir dan batin. Menunaikan janji adalah satu amalan yang dituntut dalam agama. Rentetan daripada itu, penulis ini juga tidak terkecuali memberikan amanat yang berbentuk sedemikian. Amanat terdapat dalam lirik lagu “Tok Wok Udin” dan “Wok Long” di bawah ini:

Setakat nok jadi poyik badok turut oghey
Puey rato-riti kok kedai kopi kok tepi jaley
Hok oghe janji metoh-metoh kito teley
Jadi kuro makey keladi, abih isi make

(Setakat hendak jadi poyik badok turut orang
Bual rata- rata di kedai kopi di tepi jalan
Yang orang janji mentah-mentah kita terima
Jadi kura-kura makan keladi, habis isi makan batang)

(Lagu: Tok Wok Udin)

Rupo-rupo hati perut Wak Long jahat
Hok dio kato tok serupo nga dio buat

(Rupa-rupanya hati perut Wak Long jahat
Apa dia kata tak sama dengan dia buat)

(Lagu: Wok Long)

Kedua-dua lirik di atas menerangkan sikap pemimpin yang tidak menepati janji. Janji yang dilafazkan hanya omongan kosong sahaja yang tidak ditunaikan kepada orang yang dijanjikan itu. Islam melarang umatnya memungkari janji. Salah satu orang munafik ialah yang tidak menepati janji. Amanat menepati janji ditegaskan dalam kedua-dua lirik penting diamalkan dalam masyarakat pada hari ini kerana sebarang janji yang dibuat mesti ditunaikan, kerana janji ibarat hutang yang perlu dijelaskan. Apabila kita sering memungkari janji, orang lain tidak lagi mempercayai kita lagi. Melalui garapan tersebut melahirkan impak yang positif kepada masyarakat agar menunaikan janji. Hal ini ditegaskan oleh Mohd Yusoff Ismail (2007) setiap yang normal akalunya haruslah menunaikan janji kerana ia merupakan satu tanggungjawab berat yang harus ditunaikan. Menunaikan janji adalah sesuatu yang penting yang harus di lakukan oleh seseorang bagi mengelakkan berlaku persengketaan sesama ahli masyarakat.

Sementara itu, Teori Konseptual Kata Kunci ini disesuaikan dalam kajian berkaitan dengan lirik Dikir Barat Halim Yazid ini. Prinsip pemilihan kata yang puitis ini secara tidak langsung akan memberikan kesan kepada khalayak pendengar. Dalam konteks ini, karya sastera dijadikan alat garapan yang mendedahkan segala kebaikan dan kepincangan dalam kehidupan dan akhirnya menjurus kepada matlamat utama karya sastera dihasilkan, iaitu untuk mencari kebaikan

4.6 Menzalimi Binatang Amalan Terkeji

Menzalimi binatang merupakan satu sikap yang buruk dan tidak elok. Sikap ini dipandang hina oleh agama dan masyarakat. Tidak berperikemanusiaan, tidak adil, bengis dan kejam. Manusia yang lahir ke dunia perlulah mengasihi sesama makhluk. Hal ini telah dijelaskan di dalam ayat tersebut:

Dan kalaulah Allah menyeksa manusia disebabkan kezaliman mereka, tentulah Dia tidak membiarkan tinggal di muka bumi sesuatu makhluk yang bergerak; akan tetapi Dia memberi tempoh kepada mereka hingga ke suatu masa yang tertentu; kemudian sesaat pun dan tidak pula mereka akan dapat meminta didahulukan.

(Surah Nahl:61, dipetik dalam Muhamad AL-Ghazali, 1994)

Seterusnya, Roslina Abu Bakar (2011) menyatakan bertindak zalim salah satu perbuatan yang tidak berperikemanusiaan, tidak adil, aniaya dan kejam oleh manusia terhadap haiwan tanpa ada sebab yang munasabah. Perbuatan negatif ini wajar dihindari oleh setiap manusia. Halim Yazid juga tidak terkecuali dalam menghasilkan lirik yang mengandungi amanat ini. Hal ini dapat di hayati dalam lirik lagu “Tupai” ini:

Setakat bedil ado tupai habis mati
Hok nilah sayo raso kito sangat rugi
Setakat bedil ado tupai habis mati
Hok nilah sayo raso kito sangat rugi

Bulu bulu pun habis luruh
Air mato berderai-derai
Mari daley baruh bekali
Kena racun tembakau

(Setakat senapang ada tupai habis mati
Yang ini saya rasa kita sangat rugi
Setakat senapang dan tupai habis mati
Yang ini saya rasa kita sangat rugi

Bulu bulu pun habis luruh
Air mata berlerai-lerai
Datang dari sawah
Terkena racun tembakau)

(Lagu: Tupai)

Di dalam lirik tersebut penulis lirik lagu ini menyampaikan amanat ini dengan menyindir manusia yang melakukan kezaliman terhadap binatang tanpa memikirkan betapa banyak perkara yang dipelajari dari binatang itu. Walaupun tupai juga salah satu mamalia yang hidup dalam kawasan kebun dan dusun, binatang ini menjadikan buah-buahan dan dedaun sebagai makanan utama.

Unsur amanat ini akan melahirkan impak yang positif kepada masyarakat tentang perbuatan zalim kepada binatang ini. Sikap menzalimi binatang akan merugikan kita. Hal ini kerana generasi muda pada masa akan tidak dapat melihat dan mengenali tupai disebabkan oleh ancaman kepupusan. Kempen dan pendidikan awal perlu dijalankan bermula sejak awal kelahiran anak-anak agar mereka mampu memberi kesedaran kepada khalayak masyarakat tentang kepentingan kehidupan mamalia ini. Teori Konseptual Kata Kunci amat bersesuaian untuk diaplikasikan dalam kajian amanat ini. Prinsip kepengaruhan yang mempunyai ilmu menyebabkan timbulnya prinsip yang kedua, iaitu pemilihan kata yang bermakna. Kombinasi gabungan kedua-dua prinsip ini akan menghasilkan prinsip yang seterusnya ialah kesan. Kesan yang kerap kali dirasai dengan mendengar dan menghayati lirik lagu akan memberikan kesedaran kepada khalayak pendengar (Mohamad Mokhtar Hassan, 2005).

4.7 Keberanian Mempertahankan Hak dan Tanahair

Keberanian mempertahankan hak dan tanah air merupakan salah satu unsur moral yang terpuji. Menurut Tajul Ariffin dan Nor' Aini Dan (1999) menyatakan keberanian adalah kesanggupan individu yang normal akal bagi menghadapi cabaran dengan yakin. Seterusnya menurut Norita Ariffin (2006), keberanian merupakan kesanggupan seseorang untuk menghadapi cabaran dengan penuh yakin serta berani menanggung risiko di atas kesanggupannya. Seterusnya, Wan Marzuki Wan Mohd Noor (2010) menyatakan bahawa konsep keberanian ada dikaitkan dengan istilah 'berani kerana benar'. Istilah ini membawa maksud tindakan berani dalam untuk mempertahankan sesuatu perkara, kemampuan mengutarakan kebenaran serta berpandukan kepada prinsip berani kerana benar dan takut kerana salah. Keberanian mempertahankan tanah air adalah satu perkara yang perlu dititikberatkan. Menurut Zulkifli Salleh (2012), keberanian mempertahankan tanah air meliputi pelbagai cara dan corak perjuangan, ia meliputi penulisan, kekuatan menggunakan tenaga dan peralatan perang serta perjuangan tokoh yang diakui mempunyai semangat keberanian yang tinggi. Keberanian yang wujud tanpa ada paksaan dan rasa tanggungjawab untuk mempertahankan tanah air tercinta. Kehebatan dan keberanian yang tunjukkan oleh seseorang individu wajar dikagumi oleh semua. Hal ini kerana tidak semua individu memiliki sikap yang sedemikian rupa. Pengarang Halim Yazid juga tidak terkecuali daripada menghasilkan lirik yang bertemakan unsur keberanian mempertahankan hak dan tanah air. Hal ini dapat dilihat dalam lirik lagu "Tok Janggut" ini:

Namo Tok Janggut Haji Mat Hasan
Sejarah menyebut sebagai pahlawan
Lawey penjajah dibumi sediri
Tidak menyeroh sekali-kali

Bertumpah darah hinggo ke mati
Jago maruoh Melayu jati
Bertumpah darah sampai ke mati
Jago maruoh Melayu jati

(Nama Tok Janggut Haji Mat Hasan
Sejarah menyebut sebagai pahlawan
Lawan penjajah di bumi sendiri
Tidak menyerah sekali-kali
Bertumpah darah hinggo ke mati
Jaga maruah Melayu jati
Bertumpah darah hinggo ke mati
Jaga maruah Melayu jati)

(Lagu: Tok Janggut)

Lirik tersebut memaparkan tentang kepahlawanan Tok Janggut yang menentang penjajah. Kehebatan dan keberanian melawan penjajah untuk mempertahankan tanah air daripada dikuasai oleh penjajah. Nama Tok Janggut telah juga tersenarai antara pahlawan yang berjuang habis-habisan melawan penjajah di Negeri Kelantan dan disenaraikan antara tokoh pahlawan tempatan menentang penjajah di dalam sejarah negara. Kehebatan dan keberanian yang ada dalam diri Tok Janggut ini dijadikan inspirasi sesetengah masyarakat terutamanya rakyat negeri Kelantan. Garapan unsur amanat melahirkan masyarakat yang berani mempertahankan tanah air daripada dicerobohi orang lain. Secara tidak langsung hal ini akan mendatangkan kesan berguna ke arah pembentukan modal insan. Paparan kisah ini sesuai dijadikan sebagai teladan dan pengajaran kepada khalayak masyarakat terutamanya golongan kanak-kanak untuk menyemai semangat ini sejak dari kecil lagi. Menurut Haziah Che Hashim (2014: 1), pendidikan kenegaraan dan garapan nilai keberanian penting untuk melahirkan anggota masyarakat yang bersatu padu, patriotik dan secara tidak langsung dapat menyumbang ke arah kesejahteraan masyarakat dan negara. Berhubungan dengan teori Konseptual Kata Kunci, prinsip pemilihan kata menjadi faktor utama penulis untuk menghasilkan lirik lagu ini. Hal ini kerana, pemilihan kata yang berkesan membuka laluan kepada pendengar untuk menghayatinya. Pemilihan kata yang tepat dan masih lagi mengandungi ciri estetik membuatkan pendengar terpesona dan mampu menimbulkan penghayatan terhadap sesebuah karya dan seterusnya memberi kesan yang mendalam dalam minda pembaca (Arba'ie Sujud, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi & Asiah Abdul Rahman, 2011).

4.8 Belas Kasihan Terhadap Orang Sekeliling

Melahirkan perasaan belas kasihan terhadap orang sekeliling merupakan salah satu amalan yang sangat dituntut dalam ajaran agama Islam. Menurut Aboebakar Atjeh (1998) belas kasihan ialah perasaan sedih dan pilu melihat keperitan dan kesusahan hidup orang lain dan bersedia menghulurkan bantuan kepada orang tersebut. Mohd Ali Hashimi (1992) belas kasihan merupakan perasaan ingin menghulurkan bantuan kepada seseorang yang berada dalam kesusahan. Seterusnya, Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) menyatakan bahawa belas kasihan didefinisikan sebagai satu perasaan yang sedih melihat kesusahan, penderitaan dan keperitan orang lain serta berkeinginan untuk menghulurkan bantuan kepadanya. Perasaan belas kasihan ini menjadi isu dan perhatian utama pendikir dalam menyampaikan amanat ini. Rentetan daripada itu, persoalan amanat sedemikian ini terdapat dalam lirik lagu Halim Yazid yang bertajuk 'Insan Di sayang' menerangkan aspek ini:

Wahai tuan marilah saudara
Hulur tangey pimpinlah dio
Dengey ehsan
Kemudi kito si adik sayey
Tumpang bermanjo

(Wahai tuan marilah saudara
Hulur tangan pimpinlah dia
Dengan Ehsan
Kemudi kita adik sayang
Tumpang bermanja)

(Lagu: Insan Di Sayang)

Berdasarkan kajian, lirik di atas menjelaskan pentingnya sikap belas kasihan terhadap orang-orang yang kurang bernasib baik. Pada hari ini ramai anak yatim yang kematian dan kehilangan ibu bapa. Tiada tempat bergantung menyebabkan mereka melakukan pelbagai perkara untuk menyara kehidupan. Sebagai manusia yang berilmu, berakal dan berkemampuan kita perlulah menghulurkan bantuan bagi meringankan beban yang ditanggung oleh mereka ini. Melalui unsur amanat tersebut akan melahirkan masyarakat yang prihatin terhadap masyarakat sekeliling. Jika masyarakat prihatin terhadap masalah nescaya akan dapat mewujudkan masyarakat yang madani. Berdasarkan Teori Konseptual Kata Kunci ini pemilihan prinsip pemilihan kata dan kesan adalah sesuai untuk diterapkan di dalam kajian unsur amanat tersebut. Menerusi pemilihan kata yang tepat akan melahirkan kesan ke dalam jiwa dan emosi pendengar.

KESIMPULAN

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan terhadap lirik lagu Dikir Barat Halim Yazid ini, didapati bahawa unsur amanat ini memang wujud. Kehadiran unsur amanat sama ada dalam benda tersurat dan tersirat menggunakan kata-kata yang mudah difahami. Menerusi prinsip yang terdapat dalam Teori Konseptual Kata Kunci iaitu kepengaruhan, pemilihan kata dan kesan membuka jalan kepada pengkaji dan pendengar untuk memahami dan menghayati lirik yang disampaikan ini. Lirik lagu Dikir Barat Halim Yazid sebenarnya terhasil daripada ilham atau idea daripada diri beliau. Segala pengalaman, penderitaan, pengembaraan dan pengajaran diolah dan disesuaikan mengikut cita rasa pendikir ini melalui lagu dikirnya sendiri. Hal ini membuktikan lagu memainkan peranan penting kepada masyarakat bukan tujuan berhibur semata-mata tetapi beroleh pengajaran dan podaman menerusi bait-bait kata dalam lirik yang disampaikan. Hasil dapatan membuktikan bahawa lirik Dikir Barat Halim Yazid yang mampu memberikan impak yang positif kearah pembentukan tingkah laku dan moral positif dalam kalangan masyarakat bukan sahaja di Kelantan malah, di seluruh Malaysia. Mesej, amanat dan pengajaran yang berterusan daripada penggiat seni Dikir Barat ini amat diharapkan bagi memartabakan seni ini dan mengimbangi kesejahteraan hidup ummah sejagat.

RUJUKAN

- Aboebakar Atjeh. (1998). *Akhlak Dalam Islam. Edisi Ketiga*. Kota Bharu: Pustaka Alam.
- Abd Rahim Abd Rashid. (2001). *Nilai-Nilai Murni dalam Pendidikan Menghadapi Perubahan Alaf Baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Amir Husairi Sharif. (2006). Apa Ada Pada Lirik. *Dewan Budaya, Mac*, 23-25.
- Arba'ie Sujud. (1999). *Estetika Dalam Lirik Lagu-lagu Nyanyian P. Ramlee*. Tesis Sarjana: Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Arba'ie Sujud, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi & Asiah Abdul Rahman. (2011). *Sastera Melayu Suatu Pengantar*. Kuala Lumpur: Tinta Press.
- Azmi Mohd Nasir. (2011). Aspek Nasihat dalam Dikir Barat. Dalam Abdullah Zakaria Ghazali. (Ed.). *Warisan Kelantan xxv*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

- Halim Yazid (2014). Dikir Barat Terus Hidup. dalam Garret Dawun. (http://www.utusan.com.my//utusan/hiburan/20140701/hi_06/Dikir-Barat-Terus-Hidup.) diakses pada 28 Mac 2016.
- Hamidah Yaacob. (2010). Hiburan Tradisional Kelantan. Dalam Khoo Kay Lim. (Ed.). *Beberapa Aspek Warisan Kelantan*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Harun Mat Piah. (1998). *Puisi Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Musa. (2008). *Hati Budi Melayu*. Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Haziah Che Hashim. (2014). Mahalnya Erti Sebuah Keamanan. *Dewan Siswa, Julai*, 7.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (1988). Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (1992). *Pusat Latihan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Falsafah Pendidikan Negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Laurent Metzger. (2007). *Nilai-Nilai Melayu dari Sudut Pandangan Orang Luar*. Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Lim Swee Tin. (2006). Cerminan Citra Budaya Bangsa. *Dewan Budaya, Mei*, 11-15.
- Majlis Peperiksaan Malaysia. (1996). *Warna Sari Sastera Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. (2008). *Teori dan Kritikan Sastera Melayu*. Bangi: Pustaka Karya.
- Mohamad Mokhtar Hassan. (2005). *Teori Konseptual Kata Kunci*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Ali Hashimi. (1992). *Keperibadian Muslim*. Terj. Haji Tahir Daeng Mengati. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn.Bhd.
- Mohd Fahim Ismail. (2013). *Unsur Estetika dan Pengajaran dalam Lirik Dikir Barat Halim Yazid*. Projek Akhir Ijazah Sarjana Muda. Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2015). *Nilai-nilai Murni dalam Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Tesis Master: Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Yusoff Ismail. (2007). *Akhlah Mulia dan Bimbingan Moral*. Puchong: Berlian Publication.
- Mohd Sulhie Yusuf. (2012). Mengenali Seni Warisan Dikir Barat. (<http://kebudayaan.usim.edu.my/sulhie-yusuf/seni-warisan-dikir-barat/2012>) diakses pada 28 Mac 2016.
- Muhamad Al-Ghazali. (1984). *Akhlah Seorang Muslim*. Batu Caves: Thinker Library.
- Muhamad Al-Ghazali. (1994). *Peribadi Muslim*. Kuala Lumpur: Bahagian Jabatan Perdana Menteri.
- Norasmat Mustapha. (1998). *Unsur Estetika dalam Lagu Dikir Barat Di Kelantan*. Tesis Bachelor: Serdang, Universiti Putra Malaysia.
- Norita Arifin. (2006). *Hati Budi Melayu dalam Pantun*. Tesis Master: Universiti Putra Malaysia.
- Norliza Rofli. (2012). Dari Desa ke Istana. Dalam Muhammad Ayman Ghaffa. (<http://www.kosmo.com.my/kosmo/content>.) diakses pada 28 Mac 2016.
- Roslina Abu Bakar. (2011). *Cerita Rakyat Melayu: Analisis Dari Aspek Komunikasi Dua Hala*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Malaya.
- Seri Shinta Mohd Noor. (2002). *Nilai Moral dalam Kesenian Dikir Barat Kelantan*: Tesis Bachelor: Serdang, Universiti Putra Malaysia.
- Shahnon Ahmad. (1991). *Sastera Sebagai Seismograf Kehidupan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shamsul Amri Baharuddin. (2008). *Modul Hubungan Etnik*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (Upena) Universiti Teknologi Mara.
- Tajul Ariffin Noordin & Nor Aini Dan. (1992). *Pendidikan Dan Wawasan 2020*. Kuala Lumpur: Arena Ilmu Sdn.Bhd.
- Wan Aminurrashid Wan Abd. Hamid. (2002). *Nilai Islam dalam Kehidupan*. Kuala Lumpur. Wacana Ilmu.
- Wan Marzuki Wan Mohd Noor. (2010). *Nilai Murni dalam Novel Iman*. Projek Akhir Ijazah Sarjana Muda. Universiti Putra Malaysia.
- Zulkifli Salleh. (2012). Nilai Keberanian Seorang Wira. *Dewan Siswa, Ogos*, 40.